

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Oktober 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

OGOS 2021

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 11.7 peratus pada Ogos 2021

PUTRAJAYA, 15 Oktober 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Ogos 2021**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, “Pengeluaran getah asli menurun 11.7 peratus pada bulan Ogos 2021 (42,942 tan metrik) berbanding pada bulan Julai tahun yang sama (48,610 tan metrik). Pengeluaran tahunan turut menurun 3.6 peratus berbanding 44,543 tan metrik bulan yang sama pada tahun sebelumnya”. Beliau menambah, pengeluaran getah asli Malaysia pada Ogos 2021 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil sebanyak 90.9% berbanding sektor estet sebanyak 9.1%.

Jumlah stok getah asli meningkat 2.3 peratus pada Ogos 2021 kepada 287,380 tan metrik berbanding 280,844 tan metrik pada Julai 2021. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 91.5 peratus diikuti kilang pengguna getah (8.4%) dan estet getah (0.1%).


Eksport getah asli Malaysia berjumlah 59,172 tan metrik pada Ogos 2021 meningkat 21.6 peratus berbanding Julai 2021 (48,645 tan metrik). China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 43.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Ogos 2021 diikuti Amerika Syarikat (9.0%), Perancis (8.4%), Turki (3.1%) dan Brazil (2.4%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport produk getah negara disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM3.8 billion pada Ogos 2021, menurun sebanyak 1.4 peratus berbanding Julai 2021 (RM3.9 billion)".

Melihat kepada senario perbandingan harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus (Ogos 2021: 522.13 sen sekilogram, Julai 2021: 494.38 sen sekilogram) dan Sekerap sebanyak 7.7 peratus (Ogos 2021: 590.42 sen sekilogram, Julai 2021: 548.25 sen sekilogram). Keadaan yang sama turut berlaku kepada semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) yang meningkat antara 5.5 hingga 5.7 peratus. G.M.M. 20 merekodkan peningkatan tertinggi 5.7 peratus (Ogos 2021: 717.65 sen sekilogram, Julai 2021: 678.69 sen sekilogram). Perubahan harga di peringkat global seperti yang dilaporkan oleh *World Bank Commodity Price Data* turut menunjukkan harga bagi getah jenis TSR 20 dan SGP/MYS masing-masing meningkat 4.6 peratus (daripada USD1.63/kg kepada USD1.71/kg) dan 1.8 peratus (daripada USD1.87/kg kepada USD1.90/kg).


Prestasi pertumbuhan pengeluaran getah asli Malaysia dalam tempoh lapan bulan pertama 2021 mencatatkan penurunan 4.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2020 (Jan - Ogos 2021: 313,180 tan metrik, Jan - Ogos 2020: 326,194 tan metrik). Sementara itu, jumlah eksport getah asli mencatatkan peningkatan ketara pada 2021 iaitu 22.7 peratus berbanding pada tempoh sama tahun sebelumnya (2020: -20.9%). Peningkatan ketara ini sejajar dengan prospek ekonomi yang lebih baik berikutan pemulihan dalam perdagangan global dan rangkaian bekalan.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersemuka dengan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Ogos 2020, Julai - Ogos 2021 ('000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Ogos 2020, Julai - Ogos 2021 ('000 tan metrik)



Import



Eksport

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 OKTOBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, October 15th 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
AUGUST 2021

Malaysia rubber production
decreased by 11.7 per cent in August 2021

PUTRAJAYA, October 15, 2021 – The Department of Statistics, Malaysia today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, August 2021**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, “Natural rubber production declined by 11.7 per cent in August 2021 (42,942 tonnes) as compared to July in the same year (48,610 tonnes). On an annual basis, the production also decreased by 3.6 per cent as against 44,543 tonnes in the same month of the preceding year”. He added, production of natural rubber in Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (90.9%) as compared to estates sector (9.1%).

Stocks of natural rubber increased 2.3 per cent in August 2021 to 287,380 tonnes as compared to 280,844 tonnes in July 2021. Rubber processors factory was contributing 91.5 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (8.4%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 59,172 tonnes in August 2021, rose by 21.6 per cent as against July 2021 (48,645 tonnes). P.R. China continued to dominate as the highest importer of natural rubber with 43.7 per cent from total exports in August 2021 followed by U.S.A (9.0%), France (8.4%), Turkey (3.1%) and Brazil (2.4%). Dato' Sri Dr.

Mohd Uzir Mahidin said, "The performance at national level was contributed by natural rubber-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM3.8 billion in August 2021, a decrease of 1.4 per cent as compared to July 2021 (RM3.9 billion)".

The comparison of the average monthly price scenario showed that Latex Concentrated recorded an increase of 5.6 per cent (August 2021: 522.13 sen per kg, July 2021: 494.38 sen per kg) and Scrap 7.7 per cent (August 2021: 590.42 sen per kg, July 2021: 548.25 sen per kg). A similar trend is also observed for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) which increased between 5.5 to 5.7 per cent. S.M.R. 20 recorded the highest increase of 5.7 per cent (August 2021: 717.65 sen per kg, July 2021: 678.69 sen per kg). The movement of global prices as reported by World Bank Commodity Price Data also showed the prices for TSR 20 and SGP/MYS increased 4.6 per cent (from USD1.63/kg to USD1.71/kg) and 1.8 per cent (from USD1.87/kg to USD1.90/kg) respectively.

The performance of Malaysia's natural rubber production in the first eight months of 2021 recorded a decrease of 4.0 per cent as compared to the same period in 2020 (Jan - Aug 2021: 313,180 tonnes, Jan - Aug 2020: 326,194 tonnes). Meanwhile, total natural rubber exports recorded a significant increase in 2021 of 22.7 per cent as compared to the same period last year (2020: -20.9%). This significant increase is in line with the improved economic outlook following the recovery in global trade and supply chains.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1 : Production and domestic consumption of natural rubber August 2020, July - August 2021 ('000 tonnes)





Chart 2 : Imports and exports of natural rubber August 2020, July - August ('000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

15 OCTOBER 2021